

PERANAN DAN PENGLIBATAN ORANG LAUT JOHOR-RIAU SEMASA ERA KERAJAAN MELAYU TRADISIONAL

(*The Role and Involvement of Orang Laut of Johor-Riau during the Era of Traditional Malay Kingdom*)

*Roziah Mohamad Ali**

ziemohdali@gmail.com

Khairi Ariffin

khairi.ariffin@fsk.upsi.edu.my

Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

Terbit dalam talian (*published online*): 3 Januari 2020

Sila rujuk: Roziah Mohamad Ali dan Khairi Ariffin. (2020). Peranan dan Penglibatan Orang Laut Johor-Riau semasa Era Kerajaan Melayu Tradisional. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 13(1), 1-24. [https://doi.org/10.37052/jm.13\(1\)no1](https://doi.org/10.37052/jm.13(1)no1)

Abstrak

Orang Laut Johor-Riau pernah memainkan peranan penting dalam era pembentukan kerajaan Melayu tradisional. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen dan manuskrip telah digunakan untuk menjawab soalan kajian dengan memperoleh sumber utama seperti dokumen dan manuskrip. Kajian turut disokong oleh sumber kedua dalam bentuk buku, jurnal dan artikel. Hasil kajian menunjukkan bahawa Orang Laut Johor-Riau merupakan tiang kuasa kepada kekuatan dan kegemilangan empayar Srivijaya sehingga kepada kerajaan Melayu Melaka dan Johor-Riau. Walau bagaimanapun, perubahan politi ekoran perpecahan yang berlaku dalam kerajaan Johor-Riau pada akhir abad ke-17 telah menjelaskan hubungan timbal balik yang terjalin antara Orang Laut Johor-Riau dengan kerajaan Melayu tradisional. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan bahawa perubahan politi yang berlaku telah meminggirkan Orang Laut Johor-Riau. Implikasi kajian menunjukkan bahawa perubahan politi yang berlaku seiring dengan perubahan peradaban ternyata memberikan kesan kepada masyarakat yang tidak bergerak seiring dengan perubahan tersebut.

Kata kunci: Orang Laut Johor-Riau, Srivijaya, kerajaan Melayu tradisional

Abstract

The Orang Laut of Johor–Riau played a significant role in the early establishment of traditional Malay kingdoms. A qualitative approach together with document and manuscript analysis were applied to answer research questions using primary sources such as documents and manuscripts. The study was also supported by secondary sources in the form of books, journals and articles. The findings show that the Orang Laut of Johor–Riau were the pillars of strength and glory from the time of the Srivijaya Empire up to the time of the kingdoms of Melaka (Malacca) and Johor–Riau. Changes in these polities due to the fragmentation of the Johor–Riau kingdom in the late 17th century affected the reciprocal relationship between the Orang Laut and the Malay kingdoms. The conclusion that this study draws is that the changes in these polities marginalized the Orang Laut of Johor–Riau. The implications of this study are that the changes in these polities apparently affected people who did not move in tandem with such changes.

Keywords: *Orang Laut of Johor-Riau, Srivijaya, Melaka/Malacca, traditional Malay kingdoms, civilization*

PENDAHULUAN

Jatuh bangunnya hegemoni kerajaan Melayu mempunyai pertalian yang erat dengan kehadiran Orang Laut sebagai tiang kuasa. Sejak era kebangkitan empayar Srivijaya, sudah terjalin suatu hubungan yang bersifat simbiotik antara Orang Laut dengan pemerintah Melayu. Jalinan hubungan yang akrab ini berkesinambungan sehingga ke zaman kegemilangan politi kerajaan Melayu yang wujud kemudiannya. Orang Laut memainkan peranan penting sebagai tiang kuasa maritim dan menjadi nadi kepada kebangkitan hegemoni Kesultanan Melayu Melaka dan Kerajaan Johor–Riau. Namun begitu, perubahan yang berlaku pada sekitar tahun 1699 hingga 1819 merupakan suatu tempoh yang disifatkan oleh Andaya sebagai era kemerosotan kerajaan entrepot Melayu. Perubahan yang berlaku ini turut memberikan kesan kepada Orang Laut (Andaya & Andaya, 2001, pp. 79-116; Andaya, 1975). Penelitian dalam penulisan ini memberikan tumpuan kepada peranan Orang Laut sebagai tiang kuasa kepada politi kerajaan Melayu tradisional dan mengkaji kesan daripada perpecahan yang berlaku dalam politi kerajaan Melayu terhadap kedudukan kelompok masyarakat tersebut.

LATAR BELAKANG

Kesultanan Melaka pada zaman kegemilangannya dan berkesinambungan sehingga zaman kerajaan Johor-Riau selepas 1511, telah dikurniakan kedaulatan yang suci, yakni warisan daripada empayar Srivijaya. Konsep kedaulatan ini kerap kali muncul dalam hikayat-hikayat istana lama, yang menggambarkan ketaatan dan kesetiaan dalam kalangan rakyat yang tidak berbelah bahagi, dan pantang derhaka kepada rajanya. Sekiranya menderhaka, ketulahan akan menimpa. Keabsahan terhadap waris atau pengganti sultan amat penting. Gabungan antara dinasti pemerintah dengan kedaulatan yang berunsur magis ini bercirikan bentuk kerajaan Melayu, di samping keberkesanannya para pentadbir dan sokongan ekonomi dan ketenteraan.

Sejarah Melayu, secara simbolik memaparkan hubungan antara jurai keturunan Sultan Melaka dengan keturunan Bendahara. Hubungan yang meletakkan kedaulatan dan keabsahan kepada raja-raja Melayu ini dijalin melalui waadat atau perjanjian yang termeterai antara Sang Sapurba yang mewakili golongan raja dan Demang Lebar Daun yang mewakili rakyat jelata (Brown, 2010, pp. 26-27). Jalinan hubungan antara pemerintah dengan rakyat dalam konteks empayar Srivijaya ini bersandarkan konsep yang menganggap raja sebagai manusia yang luar biasa, dianugerahi kuasa semula jadi yang bersifat luar biasa atau dikenali sebagai daulat dan dilihat sebagai penjelmaan dewa. Wolters (1970) berpandangan bahawa para pemerintah Srivijaya dalam *Sejarah Melayu* digambarkan sebagai inkarnasi atau penjelmaan Avalokitesvara. Nik Hassan Shuhaimi (1990) pula melihat terdapat atau wujud suatu persamaan antara Sri Tri Buana dengan sifat yang ada pada Avalokitesvara.

Waadat atau perjanjian yang termeterai ini dipercayai telah menyediakan asas kepada hubungan timbal balik yang saling bergantung antara kedaulatan Melayu yang sah dengan Orang Laut di Kepulauan Riau mahupun golongan Tamil Muslim pada zaman kesultanan Melayu Melaka (Reid, 1979, pp. 1-2). Bagi kerajaan Melayu selagi ada kedaulatan, selagi itulah ada kekayaan atau dengan kata lain kedaulatan merupakan jaminan kekayaan. Dengan adanya usaha daripada keseluruhan *kingdom* atau kerajaan, kekayaan daripada perdagangan, perlanunan dan peperangan akan terus mengalir kepada pemerintah. Sebagai balasan, rakyat yang setia bukan sahaja dianugerahkan kebendaan malah berprestij dengan mempunyai pemerintah yang berasal daripada jurai keturunan diraja yang terkenal dan masyhur (Brown, 2010, p. 187; Andaya, 1975, p. 41). Dalam kerangka keseluruhan kerajaan tersebut, kelangsungan kewujudan atau survivalnya bukan hanya terletak pada kelemahan atau kekuatan individu tetapi ditentukan oleh kedudukan simbolik raja (Andaya, 1975, p. 41).

ISU DAN PERMASALAHAN

Walaupun terdapat pelbagai pandangan dan gambaran tentang Orang Laut sehingga menimbulkan suatu paradoks namun sejarah telah membuktikan bahawa Orang Laut pernah memainkan peranan penting dalam pembentukan politi pelabuhan di Selat Melaka. Sejarah yang telah direkonstruksi semula oleh para sejarawan telah meletakkan kepentingan kedudukan Orang Laut dalam konteks politi kerajaan Melayu tradisional. Kepentingan Orang Laut ini didukung oleh kesesuaian peranan kelompok tersebut yang diperlihatkan melalui hubungan *patron-client* yang bersifat timbal balik dan saling lengkap-melengkapi antara politi kerajaan Melayu tradisional dengan Orang Laut. Walau bagaimanapun, ekoran perubahan yang berlaku dalam politi kerajaan Melayu tradisional, ikatan sejarah mahupun mitos antara Orang Laut dengan para pemerintah Melayu semakin terlerai. Perubahan yang berlaku di wilayah Asia Tenggara maritim yang membawa kepada peralihan politi memperlihatkan kepentingan dan peranan Orang Laut semakin terhakis dan menjadi kurang relevan dalam konteks politi yang baharu. Perubahan politi yang memberikan kesan kepada kedudukan Orang Laut perlu dijejaki untuk memahami kedudukan dan kelangsungan hidup Orang Laut khususnya di wilayah Johor-Riau.

METODOLOGI KAJIAN

Analisis data telah dilakukan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen dan manuskrip. Sumber kajian yang terdiri daripada sumber pertama dan sumber kedua. Sumber pertama yang dikumpul, dirujuk dan dicerna berupa dokumen dan manuskrip. Pengkaji turut menggunakan sumber kedua dalam usaha mengkonstruksi semula sejarah Orang Laut Johor-Riau dalam konteks perubahan politi di Kepulauan Riau-Lingga dan Selat Melaka. Penggunaan sumber pertama perlu disokong oleh sumber kedua. Sumber kedua yang dikumpul, dirujuk dan dicerna berupa artikel, buku dan jurnal yang terdapat di perpustakaan institusi pengajian tinggi di Malaysia, Indonesia dan Singapura.

Dapatan Kajian

Sejarah Melayu pada zaman awal yang dikonstruksi semula oleh beberapa orang sejarawan cuba memperlihatkan kedudukan Orang Laut sebagai komponen yang penting dalam struktur politik, ekonomi dan sosial politi-politi kerajaan Melayu pada masa itu. Wolters (1970, 1967), Andaya (1975) dan Trocki (2007) menggambarkan Orang Laut mempunyai peranan yang besar dalam perkembangan beberapa politi

pelabuhan di Alam Melayu, terutamanya di sekitar Selat Melaka. Mereka merupakan kelompok penting dalam politi kerajaan Melayu tradisional seperti empayar Srivijaya serta warisannya, iaitu kerajaan Melayu Melaka dan Johor-Riau. Andaya (1975) meletakkan Orang Laut sebagai komponen yang keempat penting dalam struktur kuasa kerajaan Johor. Kepentingan Orang Laut kepada politi-politi tersebut mungkin terletak pada kemahiran dan pengetahuan mereka yang luas tentang selok belok pelayaran dan geografi Selat Melaka dan Kepulauan Riau-Lingga. Kehidupan maritim Orang Laut yang bercorak nomadik membolehkan mereka menguasai kemahiran yang berkaitan dengan pelayaran dan pengetahuan tentang ciri-ciri geografi kawasan berkenaan.

Sumber Arab dan China menunjukkan hubungan erat yang wujud antara Orang Laut dengan istana raja-raja Melayu Melaka dan Johor-Riau sudah bermula sejak era kegemilangan empayar Srivijaya-Palembang pada abad ke-7 hingga ke-11 lagi (Wolters, 1970, pp. 9-12). Hubungan ini dibangunkan semula pada abad ke-14 dengan pembukaan Melaka oleh Parameswara. Terdapat tiga unsur utama yang menjana kebangkitan Srivijaya sebagai pusat kuasa, iaitu pelabuhan yang strategik; aliran barang dagangan dan buruh; dan kehadiran Orang Laut. Empayar Srivijaya tidak akan wujud tanpa peranan utama yang dimainkan oleh Orang Laut. Kesetiaan Orang Laut kepada para pemerintah menjadi penentu kepada jatuh bangunnya empayar Srivijaya. Persekutaran kehidupan yang menyusuri persisiran pantai Sumatera memberikan pengetahuan yang mendalam kepada Orang Laut tentang laluan timur dan barat Selat Melaka.

Pentadbiran, Diplomatik dan Pemerintahan

Berdasarkan sumber sejarah, Orang Laut merupakan sebahagian daripada populasi politi kerajaan Melayu Melaka dan Johor-Riau yang tergolong dalam lapisan kebangsawan (orang kerahan). Kepentingan Orang Laut kepada politi kerajaan Melayu ialah membekalkan hasil laut untuk para pemerintah tempatan seperti tripang, mutiara, rumpai laut dan sarang burung bagi perdagangan antarabangsa terutamanya dengan China. Sebahagian daripada suku Orang Laut tinggal berdekatan dengan pusat kuasa dan memegang peranan penting dalam politik sebagai angkatan laut kepada para pemerintah dan pengawal pantai. Suku-suku lain yang berada di pinggiran membentuk kelompok yang berstatus rendah dan sukar untuk dikawal dan kadangkala lari daripada tanggungjawab feudal mereka. Malah, beberapa puak yang berada di pinggiran tidak dianggap sebagai rakyat dan meneruskan kehidupan di bawah kepimpinan ketua suku (batin) (Andaya, 1975;

Brown, 2010; Logan, 1847, pp. 336-340; Schot, 1882, pp. 25-54, 161-88, 470-479, 616-625; Sopher, 1965; Tarling, 1963; Trocki, 2007; Wolters, 1970).

Sumber Portugis dan Melayu bersetuju bahawa salah satu sumber utama yang menyokong Parameswara semasa baginda melarikan diri dari Palembang ke Singapura ialah kelompok masyarakat Orang Laut (Pires, 1944; Brown, 2010). Portugis memanggil orang laut sebagai *Celates* yang berasal daripada perkataan Melayu, iaitu Selat. Orang Laut yang datang bersama-sama Parameswara dari Palembang (atau Bangka) memilih untuk tidak tinggal bersama-sama Parameswara di Singapura sebaliknya menetap di Karimun. Menurut sumber Portugis, mereka berasa kehadiran mereka tidak diterima di Singapura. Hal ini berkemungkinan rentetan daripada penglibatan mereka dalam peristiwa pembunuhan pemimpin di Singapura (Miksic, 2014, p. 156). Walaupun dalam *Sejarah Melayu*, Karimun tidak memainkan peranan, namun kawasannya terletak pada suatu kedudukan yang strategik di selatan, hujung Selat Melaka. Dari puncak bukitnya, peninjau boleh melihat Singapura dan Sumatera - sebelah-menyebelah. Tiada kapal yang dapat belseyar keluar dan masuk selat tanpa dikesan. Walaupun Karimun tidak dinyatakan dalam penulisan orang-orang Melaka, namun Karimun memainkan peranan penting dalam kegemilangan Singapura (Miksic, 2014, p. 16).

Inskripsi dalam bahasa Sanskrit yang menggunakan tulisan Nagari ditulis pada abad kesembilan atau kesepuluh semasa kegemilangan Srivijaya ditemui di Karimun. Tulisan yang berketinggian 30 cm itu menyatakan tentang Mahāyānika Golayantritasri Gautama Sripada, “*These are the footsteps of the illustrious Gautama, the Mahayanist who possessed an armillary sphere*” (Miksic, 2014, p. 16). Kawasan tinggi yang menghadap Selat Melaka tempat inskripsi tersebut ditemui mungkin pernah digunakan oleh Orang Laut yang bersekutu dengan Srivijaya atau Malayu untuk memerhati kapal-kapal yang lalu lalang dan memastikan para pedagang membayar cukai kepada pemerintah Srivijaya. Sebagai tanda penghargaan dan mewujudkan ikatan yang lebih erat dengan Orang Laut, raja atau pemerintah Srivijaya kemungkinan memberikan hadiah kepada pemimpin atau ketua Orang Laut di Karimun (Miksic, 2014, p. 16; Caldwell & Hazlewood, 1994).

Terdapat catatan yang menyatakan bahawa masyarakat yang tinggal di dalam perahu yang mendiami perairan Kepulauan Riau-Lingga kemungkinan telah membentuk angkatan tertera Srivijaya terutamanya kekuatan tentera laut. Ketaatan masyarakat yang tinggal di dalam perahu di Karimun amat bermakna kepada pemerintah yang ingin mengekalkan kawalan terhadap kapal-kapal yang terdapat di Selat Melaka atau pelabuhan-pelabuhan yang bersaing dengannya sebagai pusat persinggahan perdagangan atau perlanunan (Miksic, 2014, pp. 159-160).

Parameswara dan Iskandar Shah berkemungkinan besar dua nama yang berbeza tetapi digunakan oleh orang yang sama pada peringkat usia yang berbeza. Menurut konstruksi semula sejarah Srivijaya oleh Wolters, pemberontakan Parameswara tidak berjaya. Keadaan ini mendesak Parameswara meninggalkan Palembang pada tahun 1390 atau 1391 (Wolters, 1970, pp. 71-74, 110-112). Kemudian Parameswara merampas kuasa daripada pemerintah Singapura yang sebelumnya. Kenapa Parameswara memilih Singapura, masih menjadi persoalan. Berdasarkan penyelidikan arkeologi, Singapura pada ketika itu agak makmur. Kemungkinan juga Orang Laut, pengikut Parameswara sudah biasa dengan kawasan tersebut. Hubungan antara Orang Laut dengan pengasas kerajaan Melayu Melaka turut tercatat dalam tulisan Tome Pires. Beliau menyatakan bahawa *Celates* ialah kelompok Orang Laut yang mengikuti Parameswara dalam pelarian dari Palembang. Orang Laut tersebut telah menghuni Pulau Karimun apabila Parameswara menetap di Singapura. Semasa serangan Siam, Parameswara telah melarikan diri ke Muar dan seterusnya ke Melaka dengan ditemani oleh kira-kira 30 orang laut. Orang Laut telah memberikan perlindungan kepada Parameswara dan Orang Laut jugalah yang mencadangkan supaya Melaka dijadikan negeri yang baharu.

Menurut catatan Tome Pires, *Celates* satu-satunya masyarakat yang tinggal di Singapura pada 1511 (Pires, 1944, p. 262). *Celates* Bajau pula tinggal berhampiran dengan Singapura dan Palembang, yang sentiasa menemani Parameswara, serta mempunyai Bendahara dan Laksamana sebagai jawatan yang diwarisi. Pada abad ke-17, Orang Laut mempunyai ketua yang diberikan gelaran Raja Negara Selat (Miksic, 2014, p. 160; Andaya, 1975, pp. 25-54, 161-188, 470-479, 616-625). Berdasarkan *Tuhfat al-Nafis (The Precious Gift) Salasilah Melayu-Bugis*, Raja Negara Selat yang dikenali sebagai Raja Negara juga merupakan ketua atau pemimpin kepada masyarakat Orang Laut. Pelbagai penulis telah mengaitkan gelaran ini dengan hulubalang besar (Hooker & Andaya, 1982; Borschberg, 2002, pp. 59-60; Kwa Chong Guan, 1984, p. 121). Berdasarkan *Sejarah Melayu*, Seri Raja Negara merupakan suatu gelaran yang dianugerahkan kepada Datin Singapura yang merupakan hulubalang kepada Sultan Johor (Shellabear, 2016; 1975). Menurut para informan Pires, Orang Laut yang telah menemui Melaka dan mempelawa Parameswara untuk berpindah ke Melaka dari Muar. Semasa Portugis mengambil alih Melaka, Laksamana merupakan keturunan Orang Laut. Hang Tuah juga berkemungkinan keturunan daripada kelompok tersebut (Miksic, 2014, p.160; Kassim Ahmad, 2008).

Kedudukan Orang Laut dalam organisasi sosial dan pentadbiran politi kerajaan Melayu ini berada pada suatu jajaran status kelas menengah sehingga dapat berhubung secara langsung dengan raja yang berkuasa dan rakyatnya. Orang Laut bukan sahaja

mengetahui selok-belok adat istiadat yang berlaku dalam kerajaan dan istana sultan malah memahami dengan jelas jalur organisasi pemerintahan dan tugas yang telah diamanahkan. Orang Laut juga merupakan golongan tentera yang berdisiplin tinggi dan memainkan peranan penting dalam menjaga keamanan. Pada masa inilah Orang Laut telah merebut suatu kedudukan yang penting untuk pemerintahan sehingga dikatakan sebagai tulang belakang kepada kekuatan kerajaan Melayu Melaka (Daud Kadir, 1993, p. 3).

Selepas pembukaan Melaka dan pelantikan Parameswara sebagai raja, baginda telah memberi kedudukan dan menaungi Orang Laut. Kedudukan Orang Laut dalam istana Melaka amat tinggi, mencakupi hierarki sosial dan kuasa politik. Kelompok tersebut telah diberikan ganjaran dan anugerah serta dilantik sebagai pembesar, hulubalang, panglima, bentara dan pendayung raja. Orang Laut merupakan pihak yang memberikan perkhidmatan kepada Raja. Perkhidmatan yang diberikan bukan sahaja yang bersifat domestik malah meliputi aspek pengangkutan dan ketenteraan (Andaya, 1975, pp. 46-48). Susulan itu, Orang Laut terus mengekalkan peranan penting mereka dalam kerajaan Melayu selepas pusat pentadbiran Melayu berpindah ke Ujung Tanah (kawasan Johor-Singapura-Riau) malah, setiap suku Orang Laut mempunyai tugas-tugas khusus (Andaya, 1975, p. 46).

Wujud suatu hubungan yang simbiotik dan saling lengkap-melengkapi antara Orang Laut dengan Parameswara serta keturunannya selepas itu. Hubungan ini dipupuk oleh suatu kepercayaan dalam kalangan Orang Laut terhadap kedaulatan yang dimiliki oleh Parameswara. Kedaulatan ini diperoleh oleh Parameswara melalui upacara pertabalan, penobatan atau *abhiseka*. Orang Laut mempercayai bahawa kedaulatan ini hanya dimiliki oleh keturunan Parameswara. Mereka telah memberikan ketaatan dan kesetiaan yang sepenuhnya kepada Kerajaan Melayu Melaka sehinggalah kepada keturunannya yang terakhir di Johor pada 1699 (Andaya, 1975, p. 47).

Ketaatan dan kesetiaan Orang Laut kepada raja-raja Melaka terkenal sebagai kesetiaan yang tidak berbelah bahagi (Daud Kadir, 1993, p. 2). Kesetiaan Orang Laut ini sering kali diuji ketika mempertahankan dan melindungi kerajaan Melayu Melaka daripada ancaman musuh, baik yang datang dari dalam maupun dari luar kerajaan. Lantaran kesetiaan yang tidak berbelah bahagi ini, raja Melaka telah menempatkan Orang Laut pada suatu kedudukan yang penting dan tinggi dalam susunan pemerintahan. Kepimpinan Orang Laut yang terdiri daripada Orang Kaya, Datuk-datuk dan Batin-batin mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang cukup memadai pada waktu itu (Daud Kadir, 1993).

Struktur pentadbiran kerajaan Johor-Riau pada abad ke-16 dan ke-17 juga memperlihatkan kesinambungan kepentingan Orang Laut dalam politik kerajaan Melayu. Orang Laut merupakan komponen keempat penting selepas Sultan, Menteri-menteri dan Majlis Orang Kaya. Pembinaan struktur politik kerajaan Melayu Johor didukung oleh keempat-empat komponen tersebut. Kestabilan politik yang wujud hasil daripada kerjasama antara keempat-empat komponen ini telah membawa kebangkitan empayar Johor-Riau sehingga mampu menguasai wilayah yang luas dan berkesan. Antaranya Sungai Kampar, Sungai Penagi (Kuala Linggi), Sungai Klang, Sungai Siak, Unggaran, Bengkalis, Pulau-Pulau Karimun, Bintan (Riau), Bulang, Lingga dan pulau-pulau sekitarnya, Singapura, Muar dan Sungai Batu Pahat (Nabir Abdullah, 2000, p. 3).

Semasa zaman kegemilangan empayar Johor-Riau, Orang Suku Bintan merupakan antara Orang Laut yang berkuasa. Selain itu, terdapat juga Orang Suku Mepar dari Lingga, Orang Suku Galang, Orang Suku Bulang dan Orang Laut yang dipimpin oleh Dato' Raja Negara di Singapura. Orang Laut ini berada di bawah pemerintahan Sultan Johor (Logan, 1847, pp. 336-340). Di Johor pula, orang Singgera bersama-sama dengan Orang Suku Bulo, Mepar, Galang, Gelam, Sekanan dan Sugi menjadi pahlawan dan hulubalang Johor. Orang Suku Ladi, Galang, Gelam, Sekanan, Sugi, Klong, Trong, Moro dan Tambus pula merupakan pendayung kepada Sultan Johor. Orang Suku Mepar juga menjalankan tugas sebagai penghantar utusan dan surat-menyurat kepada para pemerintah di luar negeri. Orang Suku Kasu, Trong, Sugi dan Moro pula bertanggungjawab untuk menyediakan agar-agar dan sagu kepada raja. Perkhidmatan mengangkat air dan kayu api serta urusan di dapur istana pula dilakukan oleh Orang Suku Ladi. Orang Suku Tambus pula bertanggungjawab menjaga anjing perburuan sultan (Andaya, 1975, p. 47).

Wujudnya ikatan hubungan yang erat antara Orang Laut dan para pemerintah Melayu bermakna Orang Laut dinaungi dan dilindungi daripada pelbagai ancaman, terutamanya dari pusat-pusat kuasa yang menjadi saingan kepada para pemerintah Melayu. Orang Laut melihat hubungan yang erat dengan istana raja-raja Melayu merupakan suatu strategi yang memberikan mereka peluang untuk meningkatkan kedudukan dan status melalui kegiatan maritim. Para pemerintah Melayu menganugerahi Orang Laut penghormatan, gelaran, jawatan dan kekayaan sebagai balasan kepada perkhidmatan dan kesetiaan mereka. Bagi yang berjaya meningkatkan status sosiopolitiknya bermakna kuasa politik dan autoriti berada dalam tangannya. Hal ini membolehkan Orang Laut menunjukkan kemampuan dan keberadaan mereka di Alam Melayu.

Perdagangan

Catatan sejarah tentang sumbangan Orang Laut terhadap penubuhan kesultanan Melayu sering kali menekankan aspek kesetiaan mereka kepada para pemerintah Melayu. Sesungguhnya Orang Laut memang kelompok masyarakat yang setia, walau bagaimanapun, ikatan ini juga turut didorong oleh beberapa perkara yang berkisar dalam persekitaran kehidupan Orang Laut (Chuleeporn, 2002). Sebagai masyarakat yang bergantung pada laut untuk kelangsungan hidup, Orang Laut menyedari bahawa mereka perlu melibatkan diri dengan kegiatan lain seperti perdagangan untuk mengekalkan sumber bekalan makanan. Oleh itu, sebagai balasan kepada perkhidmatan dan kesetiaan mereka, para pemerintah Melayu menawarkan naungan dan perlindungan bagi mengesahkan kegiatan serangan dan rompakan.

Ternyata pergerakan barang perdagangan dan ekspedisi serangan dan rompakan mendatangkan pulangan yang menguntungkan baik kepada para pemerintah mahupun kepada Orang Laut. Para pemerintah Melayu mengakui bahawa kepakaran Orang Laut dalam dunia kelautan dan pelayaran penting bagi menjana kegiatan perdagangan yang menguntungkan di samping meluaskan lagi ruang lingkup pengaruh mereka. Sesungguhnya, sistem pertukaran yang bersifat timbal balik ini merupakan suatu ikatan hubungan yang menguntungkan kerana para pemerintah dapat meluaskan pengaruh mereka, sementara Orang Laut dapat memenuhi keperluan dan memperoleh barang yang berada di luar jangkauan kbeitaraan persekitaran ekologi mereka.

Selama beberapa abad, Orang Laut mempunyai hubungan ekonomi dan budaya yang bersifat simbiotik dengan penduduk Melayu di pelabuhan-pelabuhan perdagangan. Kemungkinan kedua-dua identiti ini berkembang seiring apabila pusat-pusat perdagangan kosmopolitan mula terbentuk di Selat Melaka (Miksic, 2014, p. 371; Miksic, 2006, pp. 335-346; Miksic, 2000; Miksic, 1998a; Miksic, 1998b). Sejak dahulu lagi, Orang Laut sudah dikenali dengan kemahiran memburu dan meramu dengan mengumpulkan sumber alam. Orang Laut merupakan pembekal utama komoditi seperti mutiara, lilin, gamat atau trepang, sarang burung dan damar, yang merupakan komponen penting dalam perdagangan maritim di rantau ini. Masyarakat Orang Laut lazimnya mempunyai hubungan yang bersifat simbiotik dengan penaung mereka yang mendakwa mempunyai hak istimewa untuk berdagang dengan mereka dan dilihat sebagai pelindung kepada Orang Laut (Miksic, 2014, p. 161).

Benjamin (1976) berpendapat bahawa hubungan antara Orang Laut dengan raja-raja Melayu sudah lama wujud, iaitu kira-kira 1000 tahun lalu. Penguasaan

Orang Laut terhadap perdagangan maritim didorong oleh faktor geografi dan ekologi di samping faktor kebijaksanaan Orang Laut dalam memahami dan memiliki pengetahuan tentang cuaca dan kedudukan pasang surut air laut, serta alam semula jadi yang menjadi sebahagian daripada persekitaran ekologi mereka. Faktor-faktor ini telah mengekalkan hubungan simbiotik, resiprokal dan saling lengkap-melengkapi antara Orang Laut dengan raja-raja Melayu pada waktu itu.

Peranan yang dimainkan oleh Orang Laut dalam kerajaan Johor pada abad ke-17 sama sifatnya dengan yang pernah dilakukan oleh kelompok masyarakat tersebut semasa kegemilangan empayar Srivijaya pada abad ke-7 hingga ke-11. Kebangkitan kerajaan Johor pada abad ke-17 telah memperlihatkan perkembangan perdagangan serantau dan antarabangsa di Selat Melaka terutamanya sekitar tempoh 1641 hingga 1699. Perkembangan ini ada hubung kaitnya dengan kehadiran Orang Laut (Andaya, 1975, p. 15). Hal ini bersandarkan hakikat bahawa kepakaran Orang Laut dalam menarik perdagangan. Para pemerintah Melayu menyedari bahawa sungai, selat dan gugusan kepulauan yang terbentang di bahagian timur Sumatera merupakan wilayah tradisional Orang Laut (Wolters, 1967; Wolters, 1979; Andaya, 1997). Pengetahuan dan kepakaran Orang Laut tentang wilayah tersebut telah memenuhi keperluan terhadap mutiara, penyu, rumpai laut dan tripang untuk perdagangan terutamanya dengan China.

Barangan semula jadi Singapura, satu yang masih wujud dalam konteks arkeologi ialah cengkerang penyu. Barang ini merupakan barang monopoli kerajaan China. Serpihan besar bahan ini telah ditemui pada abad ke-14 (Wolters, 1967; Wolters, 1979; Andaya, 1997). Penyu laut ini dipercayai telah dibawa ke Singapura oleh Orang Laut pada abad ke-14 sebagai pertukaran dengan barang-barang porselin dan manik Cina. Selain penyu, ikan pari sangat penting kepada Orang Laut pada abad ke-16 (Pires, 1944). Ikan pari merupakan sumber racun yang digunakan dalam sumpitan. Para penulis Arab seperti Mas'udi (943), Idrisi (1154) dan Ibn Said (13 Masihi) pernah menyebut tentang lanun yang terdapat di kepulauan Laut China Selatan juga menggunakan anak panah beracun (Sopher, 1977, p. 342).

Pada 1687, Francois Valentijn mendapati terdapat 50 hingga 60 ribu kapal (bot) di muara sungai Riau, bahagian Barat Bintan. Kebanyakan kapal ini datang dari Pulau Tujuh (Andaya, 1975, pp. 148-9). Kepulauan ini jarang dilawati oleh orang luar disebabkan jaraknya yang terletak jauh dari selatan Selat Melaka, dan reputasi penduduk Pulau Tujuh sebagai lanun yang ganas. Oleh hal yang demikian, Bintan telah menjadi pusat pengumpulan komoditi dan Orang Laut mempunyai kemahiran untuk mendapatkan barang-barang tersebut (Miksic, 2014, p. 372). Penduduk Pulau Tujuh pula mendapat barang-barang mewah yang diimport dari China daripada satu atau

lebih pelabuhan yang terletak di luar kawasan mereka. Keadaan ini mendorong wujudnya suatu ikatan hubungan secara simbiotik antara Orang Laut Riau dengan para pemerintah Melayu di pelabuhan perdagangan di muara sungai Singapura (Miksic, 2014).

Barang-barang pengebumian Orang Laut Riau kemungkinan diperoleh dari Temasik (Singapura). Pertukaran barang antara Orang Laut Riau dengan para pemerintah Melayu Temasik (Singapura) berkemungkinan berlaku dalam rangka persembahan penghormatan tradisional oleh Orang Laut dan sumbangan timbal balik balasan barang mewah yang diimport oleh golongan bangsawan Melayu Singapura (Miksic, 2014). Riau tidak menghasilkan syiling Cina kuno, menunjukkan bahawa ekonomi mereka tidak berdasarkan pasaran. Walaupun orang asing mengelak Riau pada abad ke-14, Orang Laut tetap mengumpulkan barang marinim seperti gamat, mutiara, dan batu karang, malah, barang ini dihantar ke pusat-pusat perdagangan kosmopolitan Temasik. Pada abad ke-18 dan 19, Orang Laut Riau masih merupakan pengumpul penting hasil laut termasuk ikan, gamat, akar bahan, cengkerang penyu dan siput yang berwarna-warni (Sopher, 1977, p. 116).

Walaupun Pulau Tujuh kecil tetapi tetap memainkan peranan penting dalam Sejarah Melayu. Pemerintah Melaka pada abad ke-15 pergi ke Jawa untuk mengahwini puteri Jawa dan meminta Inderagiri yang terletak di sebelah pantai timur Sumatera dan bertentangan dengan Melaka sebagai hadiah perkahwinan daripada pemerintah Jawa, dan permintaannya diperkenankan. Baginda kemudiannya meminta Siantan, pulau utama di Kepulauan Anambas, gugusan kepulauan Pulau Tujuh, yang paling hampir dengan Semenanjung Tanah Melayu, juga turut diperkenankan. Siantan kemudiannya menjadi sebahagian daripada perkebunan feudal (*fief*) Laksamana, ketua angkatan laut Melaka (Brown, 2010; 1970).

Peristiwa ini menunjukkan kepentingan Siantan dengan kegemilangan Melaka. Anambas mengekalkan kepentingannya sehingga awal abad ke-18, terutamanya sebagai tempat persinggahan untuk putera-putera pelarian. Putera-putera pelarian tersebut termasuklah Sultan Hammat Syah dari Lingga pada 1623; dan Pangeran Dipati Anum dari Riau pada 1716; serta Sultan Lumabang dari Palembang pada abad ke-18, juga turut dikenali sebagai Raja Kecil, mungkin merupakan orang yang sama, melarikan diri ke Siantan sebanyak dua kali, iaitu pada 1724 dan 1725 (Andaya, 1975, pp. 25, 241, 260-261, 305-308; Miksic, 2014, p. 381) . Dalam peristiwa serangan Bugis terhadap Siak pada 1724, Raja Kecil melarikan diri ke Lingga, dan mendapat sokongan daripada Orang Laut di Lingga dan Siantan. Gambaran ini menunjukkan Siantan sebagai sumber tenaga manusia dan juga perdagangan. Salah satu daripada komoditi yang dijual di Riau pada abad ke-18

ialah tenunan sutera Siantan (Hooker & Andaya, 1982, p. 160).

Pulau Tujuh mengandungi lebih kurang 260 buah pulau dalam *India Directory* yang ditulis oleh Horburgh, diterbitkan pada 1855 seperti yang dipetik oleh Netscher (Miksic, 2014, p. 382). Horburgh mengingatkan para pelayar supaya sentiasa berwaspada apabila mendarat di Siantan. Hal ini disebabkan oleh kecenderungan penduduknya untuk membunuh dan mengamalkan amalan perhambaan. Populasi keseluruhan kawasan tersebut pada pertengahan abad ke-19 meliputi 2400 penduduk daratan termasuk 500 Orang Laut yang dipanggil Orang Pesukan. Sopher (1977) mengambil ini sebagai petunjuk bahawa komuniti yang tinggal di kepulauan Anambas terutamanya, mempunyai kaitan dengan Orang Laut di kepulauan Riau-Lingga dan mempunyai hubungan yang rapat dengan mereka. Orang Laut yang ditemui di Pulau Tujuh dikatakan asalnya Orang Mantang dari Kepulauan Lingga.

Siantan merupakan pusat pengumpulan barang laut dan kraf tangan, seperti ikan bilis dalam kuantiti yang banyak untuk dieksport ke Singapura menggunakan pasu-pasu tembikar yang datang dari Borneo Barat. Ikan terdiri daripada pelbagai jenis yang ditangkap menggunakan kelong. Akar bahar merupakan barang laut yang paling penting, dijadikan sebagai cincin dan gelang tangan. Tenunan sarong dan gula aren turut dihasilkan. Orang Laut juga turut mengumpulkan cengkerang penyu untuk diperdagangkan (Miksic, 2014, p. 383).

Midai di Natuna yang merupakan sebahagian daripada kepulauan Riau dihuni oleh 250 Orang Laut yang mendiami tiga atau empat penempatan. Pada 1888, Raja Alias, putera kepada Raja Endut di Sedanau diutus oleh Yang Dipertuan, panglima raja untuk menggalakkan penanaman. Ramai orang Melayu yang berhijrah ke Midai sebagai peladang untuk menanam kelapa. Orang Laut yang berada di bawah pengaruh Melayu pula telah memeluk Islam. Walau bagaimanapun, Orang Laut masih meneruskan peranan perkhidmatan tradisional mereka untuk masyarakat Melayu sebagai pendayung dan membuat bot. Mereka mengumpulkan gamat dan cengkerang penyu untuk pertukaran. Berdekatan dengan Pulau Panjang, Orang Laut masih terikat dengan keluarga diraja Riau melalui tradisi yang menghendaki mereka untuk menjual barang laut kepada golongan bangsawan pada harga yang ditetapkan. Orang Laut di kepulauan Watas dan Lasiu juga diminta untuk membayar ufti sebanyak 100 cengkerang ibu mutiara kepada pembesar Melayu tempatan yang bergelar “datuk”. Datuk-datuk tersebut merupakan pemilik kepada sarang-sarang burung yang menguntungkan di Tambelan dan Tokong Kemudi (Miksic, 2014, p. 383).

Pulau Tujuh merupakan sumber yang berpotensi; kaya dengan maklumat tentang kebudayaan purba Riau. Penemuan beribu barang porselin yang diimport, digunakan sebagai persembahan pengebumian di Riau. Hal ini juga menunjukkan Orang Laut berkongsi sebahagian daripada asas kebudayaan mereka dengan masyarakat Sulawesi, masyarakat pedalaman Borneo dan Filipina. Kepercayaan terhadap kehidupan selepas mati, iaitu roh orang yang telah meninggal dunia masih memerlukan beberapa peruntukan. Penemuan ini menunjukkan satu set kepercayaan agama yang sangat berbeza dengan orang Melayu. Perbezaan budaya ini menunjukkan keadaan meletakkan diri terpinggir dari pusat teladan (*periphery of an exemplary center*), Orang Laut lebih cenderung untuk mengekalkan jarak budaya tertentu daripada masyarakat Palembang, Singapura dan Melaka. Mereka memiliki idea tersendiri tentang budaya dan cenderung untuk memeliharanya daripada diserap dalam kelompok masyarakat yang lebih dominan dari segi bilangan dan ekonomi (Miksic, 2014, p. 384).

Pelayaran dan Perkapalan

Kejayaan politi kerajaan Melayu bangkit sebagai pusat perdagangan utama di Selat Melaka mempunyai hubung kait dengan kepakaran dan kemahiran Orang Laut dalam bidang pelayaran dan perkapalan. Empayar Srivijaya telah menggerakkan Orang Laut sebagai armada tentera lautnya bagi mengelak gangguan dalam perdagangan di pelabuhan. Strategi ini digunakan untuk menentukan keselamatan perairan Selat Melaka, dan memastikan kemakmuran empayarnya (Wolters, 1967). Dalam usaha menjadikan pelabuhan Melaka terkenal dalam laluan perdagangan Timur dan Barat, Parameswara telah memperkenalkan semula strategi yang pernah digunakan oleh empayar Srivijaya, iaitu dengan menghantar sepasukan perahu peronda yang dikendalikan oleh *Celates* (Orang Laut) untuk memaksa kapal-kapal singgah di Melaka. Menurut Wheatley (2010):

Malacca's supremacy over the Strait was ensured when Iskandar Shah fitted out a fleet of patrol boats, manned by Celates, to force vessels to call at Malacca. As in the days of Sri Vijaya, the Strait became again a private sea.

Seperti sejarah nenek moyang mereka semasa kebangkitan empayar Srivijaya, Orang Laut memainkan peranan penting dalam meningkatkan perdagangan di Selat Melaka semasa kegemilangan politi kerajaan Melayu Melaka dan Johor-Riau. Orang Laut telah berjaya membawa perdagangan ke pelabuhan-pelabuhan politi kerajaan

Melayu dengan mengawal dan mengawasi perairan bagi menjamin keselamatan para pedagang. Seperti yang dinyatakan oleh Andaya (1975):

They patrolled the Straits of Malacca, which was a major world trade artery between the East and the West, and protected or attacked any shipping passing through their home waters.

Oleh itu, kapal-kapal melalui Selat Melaka diminta singgah ke pelabuhan, diberikan perlindungan dan dijamin keselamatan semasa pelayaran melalui perairan (Wolters, 1967; Wolters, 1979; Pires, 1944; Andaya, 1997b).

Pengetahuan dan kemahiran Orang Laut tentang dunia kelautan, kepulauan, dan pesisiran turut menyumbang kepada kebangkitan kerajaan Johor sebagai sebuah politi pelabuhan yang unggul pada abad ke-16 dan ke-17. Kajian Trocki (2007) telah memperlihatkan wujudnya hubungan timbal balik antara kerajaan Johor dengan Orang Laut. Para pemerintah Johor telah memanfaatkan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki oleh Orang Laut bagi menjaga kepentingan perdagangan di Johor. Dengan menggunakan perahu, lancang dan sampan, Orang Laut membuat rondaan di laut untuk menghalang dan memusnahkan kapal para pedagang yang memberi saingan kepada Johor terutamanya yang berdagang dengan Belanda di Melaka, pada ketika itu, Belanda merupakan saingan kepada Johor. Sebaliknya, dengan memberikan perlindungan kepada para pedagang yang ingin berdagang dan menggunakan kemudahan pelabuhan, Orang Laut berjaya menarik para pedagang asing berdagang di pelabuhan Johor. Tindakan ini dapat dilakukan dengan berkesan ketika pemerintahan Johor berpusat di Riau lantaran kedudukannya yang strategik.

Orang Laut juga diberikan kepercayaan dan tanggungjawab untuk menjalankan tugas dalam pengendalian segala kemudahan di pelabuhan Johor. Pelabuhan Johor di bawah kekuasaan Sultan Johor menyediakan bekalan barang yang diperlukan oleh para saudagar, di samping kemudahan perdagangan dan pengurusan yang cekap. Kerajaan Johor juga menyediakan kemudahan mengangkat dan memunggah barang-barang dari pelabuhan ke kapal atau sebaliknya dengan cekap dan murah. Kemudahan membaiki kapal juga disediakan untuk menjamin keselamatan kapal-kapal semasa pelayaran nanti. Kerajaan Johor juga memastikan bahawa cukai pelabuhan adalah berpatutan. Yang menarik perhatian dalam perbincangan kedudukan Orang Laut dalam konteks kerajaan Melayu Johor ini ialah kepercayaan yang diberikan oleh pemerintah kepada Orang Laut apabila urusan pengendalian segala kemudahan ini dipertanggungjawabkan kepada kelompok masyarakat tersebut (Abdullah Zakaria Ghazali & Zainal Abidin Borhan, 1994, p. 19).

Sejarah Melayu pada zaman awal yang dikonstruksi semula oleh beberapa orang sejarawan cuba memperlihatkan kedudukan Orang Laut sebagai suatu komponen yang penting dalam struktur politik, ekonomi dan sosial politi-politi kerajaan Melayu pada masa itu. Wolters dan Andaya mahupun Trocki menggambarkan Orang Laut mempunyai peranan yang besar dalam perkembangan beberapa *politi* pelabuhan di Alam Melayu, terutamanya di sekitar Selat Melaka. Mereka merupakan kelompok penting dalam politi kerajaan Melayu seperti empayar Srivijaya, Melaka dan Johor-Riau. Andaya (1975) meletakkan Orang Laut sebagai komponen yang keempat penting dalam struktur kuasa kerajaan Johor.

Keselamatan dan Ketenteraan

Selama beberapa abad, Orang Laut mempunyai hubungan budaya dan ekonomi yang bersifat simbiotik dan saling bergantung dengan para penduduk Melayu di pelabuhan-pelabuhan perdagangan. Kedua-dua identiti ini kemungkinan berkembang seiring apabila pusat perdagangan kosmopolitan mulai terbentuk di Selat Melaka. Orang Laut menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada pemerintah Melayu baik dari segi keselamatan mahupun ketenteraan kepada politi kerajaan Melayu.

Sepanjang abad ke-16 dan pada suku pertama abad ke-17, Kesultanan Melayu Melaka telah berhadapan dengan gangguan dan serangan yang berterusan daripada pihak Portugis dan Aceh. Walau bagaimanapun, Orang Laut sentiasa bersedia memberikan sokongan dan mengembalikan kuasa para pemerintah sepanjang tempoh perubahan yang berlaku dalam politi kerajaan Melayu (Andaya, 1975, p. 48). Apabila Melaka jatuh ke tangan Portugis pada 1511 dengan kejayaan menawan ibu kotanya, Orang Laut telah bangkit menjalankan peranan mereka untuk memastikan kelangsungan politi kerajaan Melayu terus terpelihara. Mereka telah menggerakkan kekuatan angkatan laut untuk membawa dan memindahkan pemerintah Melaka ke ibu kota yang baharu (Wolters, 1970, p. 12). Dengan adanya perlindungan dan bantuan daripada Orang Laut, Sultan Mahmud Syah telah berjaya melarikan diri dan membina kota di Bertam, kemudian ke Muar dan seterusnya ke Pahang melalui jalan Penarikan dan kemudian berpindah ke Bintan (Pires, 1944, p. 281) dan akhirnya ke Kampar (Brown, 2010).

Walaupun Orang Laut tidak dapat menangkis serangan Portugis, namun mereka membolehkan pemerintah Melayu melarikan diri melalui hutan belantara ke Riau dan membentuk pusat pentadbiran di Bintan, seperti yang dilakukan oleh Parameswara semasa baginda melarikan diri dari Palembang ke Singapura

pada sekitar 1390 (Miksic, 2014, p. 371). Dengan bantuan Orang Laut, Bintan telah dibangunkan sebagai pusat entrepot yang baharu dan Sultan Mahmud Syah berjaya membangunkan semula kuasanya di Kampar. Gugusan kepulauan dan pesisiran pantai ini merupakan wilayah yang padat dengan populasi Orang Laut yang memberikan kesetiaan dan sokongan kepada para pemerintah Melayu.

Sepanjang abad ke-17, Orang Laut kekal sebagai unsur penting dalam politik kerajaan Melayu. Peristiwa yang berlaku pada 1688 memaparkan dengan jelas tentang kesetiaan Orang Laut kepada Sultan Johor ketika pergolakan politik dalam istana Johor akibat perebutan kuasa antara Bendahara Tun Habid Abdul Majid dengan Laksamana Paduka Raja. Sultan Johor yang masih kecil pada ketika itu berada di bawah jagaan Laksamana Paduka Raja dan beliau telah menjalankan pentadbiran bagi pihak sultan. Hal ini memberikan ruang kepada Laksamana dan ahli keluarganya membolot kuasa dan kedudukan penting dalam istana. Keadaan ini menyebabkan Bendahara dan keluarganya telah terpinggir dari segi kuasa. Hakikatnya, selagi Laksamana kekal sebagai penjaga yang sah kepada Sultan Johor maka tiada siapa yang berani menggugat kedudukan dan kekuasaannya.

Menyedari perkara ini, Bendahara telah bertindak menculik putera raja daripada jagaan Laksamana. Laksamana dan keluarganya yang memahami bahawa situasi tidak menyebelahi mereka dan dengan segera telah menghimpunkan kekayaan dan regalia istana untuk melarikan diri dengan bot. Pada masa yang sama, Bendahara telah mengarahkan agar nobat dan nafiri dibunyikan untuk memberi isyarat kepada Orang Laut yang bersama-sama Laksamana bahawa Sultan Johor kini berada di bawah jagaan Bendahara. Orang Laut dengan serta merta telah meninggalkan Laksamana dan keluarganya serta berpihak kepada Bendahara untuk mempertahankan sultan mereka. Seperti yang dinyatakan oleh Andaya (1975), *“Even gold and possession of the regalia proved inadequate to retain the loyalty of Orang Laut who manned the Paduka Raja’s ship.”*

Peristiwa Raja Kecil menyerang Johor turut memaparkan peranan Orang Laut dalam aspek ketenteraan dan keselamatan bagi meneruskan kelangsungan dan kesinambungan jurai keturunan raja-raja Melayu. Dengan berpusatkan Riau, Raja Kecil menjelang penghujung tahun 1719, berusaha untuk mengalahkan Johor. Raja Kecil yang mendakwa dirinya sebagai waris takhta kesultanan Johor telah menghantar utusan untuk mendapatkan sokongan daripada Orang Laut bagi merampas kembali takhta kesultanan Johor (Andaya, 1975, pp. 250-64, 288; Muhammad Yusoff Hashim, 2017, pp. 155-158). Pemimpin Orang Laut, Raja Negara Selat telah menghimpunkan Orang Laut dari seluruh pelosok rantau dan

menyediakan perahu dan sampan bagi memberikan sokongan dan bantuan kepada Raja Kecil untuk menawan Johor.

Kehadiran Raja Kecil selepas menaiki takhta dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah di Johor-Riau diterima dan disambut dengan gembira oleh Orang Laut di bawah pimpinan ketua mereka, Raja Negara Selat di Singapura. Berdasarkan dakyah yang disebarluaskan, Orang Laut benar-benar mempercayai bahawa beliau putera Sultan Mahmud Syah II. Berdasarkan sumber Belanda, Orang Laut dilaporkan enggan memberikan pengiktirafan terhadap kedaulatan Bendahara yang menaiki takhta selepas kemangkatan Sultan Mahmud pada 1699. Sebaliknya bernaung dan memberi pengiktirafan kepada Sultan Palembang (Muhammad Yusoff Hashim, 2017, p. 87).

Seperti pada zaman kegemilangan Srivijaya dan Melaka, Orang Laut memainkan peranan penting sebagai nadi kepada kekuatan armada tentera laut kerajaan Melayu Johor. Sebelum abad ke-19, bilangan hulubalang yang terdiri daripada Orang Laut jauh melebihi bilangan Orang Melayu. Hal ini dibuktikan melalui bilangan kerahan tentera yang dilakukan oleh kerajaan Johor. Terdapat seramai 6500 orang tentera telah dikumpulkan dari sekitar hamparan kepulauan di bawah jajahan takluk kerajaan Melayu Johor. Daripada bilangan tersebut, 700 datang daripada kepulauan yang terdapat di sekitar pantai timur Pahang; 2000 dari Riau; 500 dari Lingga; dan 400 datang dari Bengkalis dan Sungai Siak. Kawasan-kawasan ini merupakan hamparan kepulauan yang kebanyakannya didiami oleh populasi Orang Laut. Selebihnya ialah kerahan tentera dari Terengganu, Pahang, Muar dan Hulu Sungai Muar, Linggi dan Sungai Ujung, Kelang dan Selangor serta Kampar (Andaya, 1975, p. 50).

Dalam penulisan Matelieff, peranan Orang Laut turut tercatat (Borschberg, 2015, p. 64; Borschberg, 2014). Catatan Matelieff menunjukkan penglibatan Orang Laut sebagai syahbandar di Singapura yang menggerakkan armada tentera laut semasa perperangan antara Belanda dan Johor dengan Portugis. Orang Laut bertindak sebagai mata dan telinga kerajaan Johor di perairan selat Melaka. Sembilan buah kapal pimpinan Matelieff telah menghampiri persisiran pantai Melaka pada 30 April 1606. Penulisan Matelieff turut mencatatkan tentang peranan En. Kamar yang telah tiba di darat mengkhabarkan berita tersebut kepada tuannya di Johor bahawa armada Belanda telah tiba. Lantaran itu, Syahbandar Singapura, iaitu Seri Raja Negara telah menghantar beberapa kapal untuk meninjau tentang situasi tersebut. Bantuan daripada Raja Bongsu dan saudaranya Ala'uddin Riayat Shah di Johor telah dinanti-nantikan.

Perlanunan dan Perompakan di Laut

Kawasan di Semenanjung Tanah Melayu pada abad ke-14 menurut catatan Wang-Rayuan dalam *Tao-I Chih-lioh*, terutama di sekitar Lung-Ya-Men (Selat Gigi Naga) iaitu selat antara pesisiran pantai selatan Pulau Singapura (*Tan-ma-hsi*) dengan Belakang Mati menunjukkan terdapat penduduk yang ketagihan merompak (Wheatley, 2010, p. 82). Penduduk yang digambarkan sebagai orang gasar *Tan-ma-hsi* (Temasik) merupakan Orang Laut yang sering kali dinyatakan oleh para pengembara yang melalui kawasan tersebut (Gibson-Hill, 1952, pp. 161-174; Gibson-Hill, 1954, pp. 163-214). Menurut Chu-fan-chi seperti yang diterjemahkan oleh Hirth dan Rockhill (1911), “*The people of sha-hua kung had an evil reputation as early as the thirteenth century: The farther one penetrates among those islands, the worse the robbers are*”. Sopher (1977) berpendapat bahawa *sha-hua kung* kemungkinan merujuk kepulauan Natuna. Hirth dan Rockhill pula merujuk Orang Laut.

Catatan Pires (1944:233) ada menyatakan bahawa mana-mana kapal yang berurusan dengan Portugis dan Belanda di Melaka dianggap sebagai pengkhianat dan akan diserang, kadang kala menggunakan sumpit dan anak panah yang beracun. Portugis telah mengalami kemusnahan yang teruk apabila mereka menyerang Melaka pada 1511 akibat serangan balas daripada Orang Laut yang merupakan benteng pertahanan utama kota Melaka dan para pemerintahnya. Walau bagaimanapun, tindakan Orang Laut ini disalahertikan sebagai jenayah perlanunan dalam penulisan awal para kolonial Eropah. Berbeza dengan pandangan ini, serangan oleh Orang Laut, kelompok masyarakat yang diistilahkan oleh Wolters (1970) sebagai “*Maharaja's maritime subjects par excellence*” ini merupakan tindakan yang dijalankan atas perintah raja dan para pembesar Melayu bagi memenuhi keperluan untuk mewujudkan dan mengekalkan politi kerajaan Melayu.

Serangan-serangan yang dilancarkan ini bagi memastikan aliran kegiatan perdagangan yang berterusan untuk menjamin kejayaan pelabuhan entrepot Melayu. Sesungguhnya, serangan di laut merupakan bahagian penting dalam sistem pentadbiran politi kerajaan Melayu. Para pemerintah menjana kuasa dan kekayaan dengan menggerakkan kelompok masyarakat nomadik dan pesisir pantai (Pires, 1944). Kegiatan serangan dan rompakan di laut atas arahan raja dan para pembesar Melayu ini bukan sahaja dianggap sesuatu tindakan yang sah malah diberikan penghormatan. Para pengikut yang setia ini mendapat bahagian daripada hasil rompakan dan bagi pemimpin yang berani akan dianugerahi gelaran dan pangkat dalam hierarki politi kerajaan Melayu. Jalinan hubungan yang bersifat simbiotik ini telah membawa kepada kemuncak kuasa Johor pada abad ke-17. Pelabuhan-

pelabuhan di bawah kawalan mereka telah berkembang pesat ekoran daripada peningkatan perdagangan. Kemudahan pelabuhan ditambah baik dengan penyediaan peralatan dan perlindungan yang diberikan oleh Orang Laut berjaya menangkis serangan Jambi dan Belanda. Peranan ini dimainkan oleh Orang Laut yang telah menyediakan kemudahan perdagangan untuk kerajaan Johor.

Pada abad ke-19, terdapat golongan istana yang telah kehilangan kedudukan dan kuasa melibatkan diri dengan perlanun yang dianggap sebagai kegiatan jenayah. Golongan ini mendapat sokongan Orang Laut yang taat setia (terutamanya suku Galang) (Andaya & Andaya, 2001, p. 131; Tarling, 1963, p. 1, 10-11, 39, 123; Trocki, 2007). Dengan ketidakhadiran kuasa tentera yang sah, Orang Laut misalnya telah beralih kepada aktiviti melanun dan merompak. Melalui kegiatan ini, Orang Laut telah membekalkan hamba abdi untuk perdagangan. Mereka mencari mangsa terutamanya kapal-kapal dan masyarakat terasing yang terlibat dalam tanaman jualan di pesisiran pantai Sumatera dan Banjarmasin serta para pelombong bijih timah di Sambas dan Bangka. Para mangsa yang ditawan kemudiannya dijual untuk dijadikan hamba. Kelompok Orang Laut ini telah membentuk kuasa politik yang penting dalam interaksi persaingan tempatan dan kepentingan mereka dipertingkatkan melalui pakatan dengan anak-anak raja dan raja yang tidak bertakhta (Kathirithamby-Wells & Villiers, 1999, pp. 288-289).

KESIMPULAN

Kemunculan dan kebangkitan politi kerajaan Melayu mempunyai pertalian yang erat dengan kehadiran masyarakat pesisiran terutama Orang Laut yang bertebaran di sekitar gugusan Kepulauan Melayu khususnya pesisiran Selat Melaka dan Kepulauan Riau-Lingga. Sejak era kebangkitan empayar Srivijaya, sudah terjalin suatu hubungan timbal balik yang bersifat simbiotik antara Orang Laut dengan para pemerintah Melayu. Jalinan hubungan yang akrab ini terus berkesinambungan sehingga ke zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 dan diwarisi kerajaan Johor-Riau kemudiannya. Orang Laut memainkan peranan penting sebagai tiang kuasa, menjadi nadi kepada kekuatan dan hegemoni politi kerajaan Melayu yang muncul di persisiran Selat Melaka dan selatan Semenanjung Tanah Melayu. Namun begitu, perubahan yang berlaku dalam istana Melayu pada akhir abad ke-17 telah membawa perkembangan baharu dalam konteks politi kerajaan Melayu. Berlaku perubahan dalam jalinan hubungan antara pemerintah dengan rakyat, terutamanya dalam konteks Orang Laut dengan pemerintah Melayu. Perluasan pengaruh asing ke dalam istana Melayu ekoran daripada pergolakan istana,

persaingan kuasa dan percaturan politik Melayu semasa keruntuhan Kesultanan Melayu Melaka dan Johor-Riau bukan sahaja mengubah budaya berpolitik Melayu malah turut sama menjelaskan hubungan yang terjalin antara Orang Laut dengan politi kerajaan Melayu.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pendanaan.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Haji Ismail. (2010). *Sejarah Melayu*. Edisi Rumi Baru MS Raffles No.18. Disusun oleh Cheah Boon Kheng. Dengan esei pengenalan oleh Abdul Rahman Haji Ismail, R.Roolvink & R.O.Winstedt, The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society Reprint 17. Selangor: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Abdullah Zakaria Ghazali dan Zainal Abidin Borhan. (1994). *Johor Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Andaya, B.W. & Andaya, L.Y. (2001). A history of Malaysia. (2nd Ed.). Fifth Avenue, NY: Palgrave Macmillan (pp.79-116)
- Andaya, B.W. (1997). Recreating a vision: daratan and kepulauan in historical context in Riau in transition. Cynthia Chou & W. Derkx (Eds.), *Bijdragen Tot de Taal-, Land-en Volkenkunde*, 153, 4e: 438-508
- Andaya, L.Y. (1975). *The Kingdom of Johor, 1641-1728: Economic and Political Developments*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Barnard, T.P. (2007). Celates, Rayat-Laut, pirates: the Orang Laut and their decline in History. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 80(2), 33-49
- Barnard, T.P. (2003). *Multiple Centres of Authority: Society and Environment in Siak and Eastern Sumatra, 1674-1827*. Leiden: Koninklijk Instituut voor Taal-, Land-en, Volkenkunde Press.
- Benjamin, G. (2002). On being tribal in the Malay World in Tribal Communities. G. Benjamin & Cynthia Chou (Eds.), *Malay World: Historical, Cultural and Social Perspectives*. Singapore and the Netherlands: Institute of Southeast Asian Studies and International Institute for Asian Studies.
- Benjamin, G. (1976). Austroasiatic Sub-Groupings and Prehistory in the Malay Peninsular. P. Jenner, et al. (Eds.), *Austroasiatic Studies*. Honolulu: University of Hawaii Press. (pp.37-128).
- Bonney, R. (1971). *Kedah 1771-1821: The search for security and independence*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Borschberg, P. (2015). *Journal, Memorials and Letters of Cornelius Matelieff de Jonge, Security, Diplomacy and Commerce in 17th Century Southeast Asia*. Singapore: NUS Press.

- Borschberg, P. (2014). *The Memoirs and Memorials of Jacques de Coutre: Security, Trade and Society in 16th- and 17th-century Southeast Asia*. Translated by. R. Roy. Singapore: NUS Press.
- Borschberg, P. (2002). The Seizure of the Sta Catarina Revisited. *JSEAS*, 33(1), 59-60.
- Brown, C.C. (Ed.). (2010). *Malay Annals*. Translated from MS Raffles No.18. The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society Reprint 28. Selangor: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Brown, C.C. (trans.). (1970). *Sejarah Melayu (Malay Annals)*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Caldwell, I & Hazlewood, A.A. The holy footprints of the venerable Gautama: a new translation of the Pasir Panjang inscription. *Bijdragen tot de Taal-, Land-en Volkenkunde*, 150, 457-80
- Chuleeporn, V. (2002). Power Relations between the Orang Laut and the Malay kingdoms of Melaka and Johor during the fifteenth to seventeenth centuries. S. Chutintaranond and C. Baker (Eds.), *Recalling Local Oasts: Autonomous History in Southeast Asia*. Chiang Mai: Silkworm Books.
- Coedes, G & Damais, Louis-Charles. (1992). *Sriwijaya: History, Religion & Language of an Early Malay Politi. Monograph of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society No.20*. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Coedes, G. (1968). *The Indianized States of Southeast Asia*. Walter F. Vella (Ed.). Translated by Sue Brown Cowing. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Daud Kadir. (1993). Eksistensi Orang Laut Dulu dan Sekarang di Daerah Riau, Seminar on Indigenous Community in Relation to the Festival of Art and Culture of Asia and Pacific (2-5 September 1993), Pekanbaru, Riau.
- Gibson-Hill, C.A. (1954). Singapore; notes on the history of the Old Strait, 1580-1850. *JMBRAS*, 27(1), 163-214
- Gibson-Hill, C.A. (1952). The Orang Laut of the Singapore River and the Sampan Panjang. *JMBRAS*, 25(1)161-74
- Hirth, F. & Rockhill, W.W. (1911). *Chau Ju-Kua: His Work on the Chinese and Arab Trade in the Twelfth and Thirteenth Centuries, entitled Chu-fan-chi*. St. Petersburg: Imperial Academy of Sciences. Reprinted Taipei.
- Hirth, F. & Rockhill, W.W (Eds.). (1966). *Chau Ju-Kua: His Work on the Chinese and Arab Trade in the twelfth and thirteenth Centuries, entitled Chu-fan-chi*. New York: Paragon Book Reprint Corp.
- Hooker, V.M. (trans.). (2012). *The Precious Gift*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, Kuala Lumpur.
- Hooker,V.M. (trans.). (2010). *The Precious Gift*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Kassim Ahmad. (2008). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kathirithamby-Wells, J. & Villiers, J. (Eds.). (1999). *The Southeast Asian Port and Politi. Rise and Demise*. Singapore: Singapore University Press.
- Kwa Chong Guan. (1984). "Records and Notices of Early Singapore," *Archaeological Research on the "Forbidden Hill" of Singapore: Excavation at Fort Canning, 1984*.

- John. N. Miksic (Ed.). Singapore: National Museum.
- Leyden, J. (2010). *Malay Annals*. With an Introductory Essay by Virginia Matheson Hooker & M.B. Hooker. The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society Reprint 20. Selangor: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Logan, J.R. (1847). The Ethnology of the Johor Archipelago. *Journal the Indian Archipelago and Eastern Asia*, 1, 336-340;
- Mariam, M.A. (1984). *Orang Baru and Orang Lama: Ways of Being Malay in Singapore's North Coast*. (Unpublished B.Soc.Sc. (Hons.) Dissertation, Singapore: National University of Singapore.
- Miksic, J.N. (1998a). Trade Routes and Trade Centres. *The Encyclopedia of Malaysia. Early History*. Vol. 4. Singapore: Archipelago Press.
- Miksic, J. (1998b). Entrepots along the Melaka Strait. *The Encyclopedia of Malaysia. Early History*. Vol. 4. Singapore: Archipelago Press.
- Miksic, J.N. (2000). Heterogenetic Cities in Premodern Southeast Asia. *World Archaeology*, 32(1), 106-20.
- Miksic, J.N. (2006). "Intrasite Analysis of 14th-Century Singapore," in Uncovering Southeast Asia's Past. Selected Papers from the 10th International Conference of the European Association of Southeast Asia Archaeologist. The British Museum, London. 14th-17th September 2004, eds. E. Bacus, I.C. Glover & V.C. Pigott. Singapore: NUS Press. (pp.335-346).
- Miksic, J.N. (2014). *Singapore & The Silk Road of the Sea 1300-1800*. Singapore: NUS Press & National Museum of Singapore.
- Mohd. Yusof Md. Nor. (1997). *Salasilah Melayu dan Bugis*. Shah Alam, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd. Yusof Md. Nor. (2016). *Salasilah Melayu dan Bugis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Yusoff Hashim. (1992). *Hikayat Siak*. Dirawikan oleh Tengku Said. Diselenggarakan oleh Muhammad Yusoff Hashim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Yusoff Hashim. (2017). *Hikayat Siak. Legasi Tradisi Gemilang Kesultanan Melayu-Islam*. Edisi Kedua. Disuratkhan oleh Tengku Said. Diselenggarakan oleh Muhammad Yusoff Hashim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nabir Hj. Abdullah. (2000). *Konsep Kewilayahann Kesultanan Johor-Riau, Majlis Polemik Sejarah Malaysia 10 Ogos 2000*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abd. Rahman. (1990). "The Kingdom of Srivijaya as Socio-political and Cultural Entity. J Kathirithamby-Wells & John Villiers (eds.), *The Southeast Asian Port and Politi. Rise and Demise*. Singapore: Singapore University Press.
- Nordin Hussin. (2013). *Sadjarah Riouw Lingga dan Daerah Taalognya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pires, Tome. (1944). *Suma Oriental: An Account of the East from the Red Sea to Japan Written in Melaka 1512-1515, Vol I & II*, trans. A. Cortesao. London: Hakluyt Society.
- Raja Ali Haji Ahmad. (1982). *The Precious Gift. Tuhfat Al-Nafis*. Virginia Matheson Hooker & Barbara W. Andaya (Eds.). Kuala Lumpur: Oxford University Press.

- Reid, A. & Castles, L. (Eds.). (1975). *Pre-colonial state systems in Southeast Asia: the Malay Peninsula, Sumatra, Bali-Lombok, South Celebes*. Monographs of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, Kuala Lumpur, No.6.
- Reid, A. (1979). *The Blood of the People. Revolution and the End of Traditional Rule in Northern Sumatera*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Schot, J.G. (1882). *De Batam Archipel*, De Indische Gids 4-2: 25-54, 161-88, 470-79, 616-25.
- Shellabear, W.G. (1975). *Sejarah Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Shellabear, W.G. (2016). *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sopher, D.E. (1965). *The 'sea nomads' A Study Based on the Literature of the Maritime Boat People of Southeast Asia. Memoirs of the National Museum No.5*. Singapore: National Museum.
- Sopher, D.E. (1977). The 'sea nomads': A Study Based on the Literature of the Maritime Boat People of Southeast Asia. *Memoirs of the National Museum No.5*. Singapore: National Museum.
- Tarling, N. (1963). *Piracy and Politics in the Malay World. A Study of British Imperialism in Nineteenth-Century South-East Asia*. Singapore: Donald Moore Gallery.
- Trocki, C.A. (2007). *Prince of Pirates: The Temenggongs and the Development of Johor and Singapore 1784-1885*, 2nd Edition. Singapore: NUS Press, Singapore.
- Wake, C.H. (1975). Raffles and the Rajas: The Founding of Singapore in Malayan and British Colonial History. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 48, 1
- Wheatley, P. (2010). *The Golden Khersonese. Studies in the Historical Geography of the Malay Peninsula before A. D. 1500*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Wolters, O.W. (1979). Early Indonesian Commerce: A Study of the Origins of Srivijaya, 1967; lihat juga O.W. Wolters, "Studying Srivijaya". *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 52, 2: 1-32
- Wolters, O.W. (1970). *The Fall of Srivijaya in Malay History*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Wolters, O.W. (1967). *Early Indonesian Commerce: A Study of the Origins of Srivijaya*. Ithaca, NY: Cornell University Press
- Wolters, O.W. (1970). *The Fall of Srivijaya in Malay History*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Wolters, O.W. (1970). *The Fall of Srivijaya in Malay History*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Zainal Abidin Borhan. (1993). Gerak Kehidupan Orang Seletar. Seminar on Indigenous Community in Relation to the Festival of Art and Culture of Asia and Pacific (2-5 September 1993). Pekanbaru, Riau.

Tarikh Peroleh (*received*): 9 Julai 2019

Tarikh Terima (*accepted*): 27 Ogos 2019